

16/07/2001

Usaha lahirkan pelajar berdisiplin

BIAYA besar diperuntukkan bagi sektor pendidikan dengan 25 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dikhususkan untuk tujuan berkenaan. Dengan pelaburan sebesar itu, tentulah kerajaan berharap untuk mendapat pulangan yang besar juga dalam bentuk sumber tenaga manusia yang akan dapat membantu negara terus membangun. Ke arah itu, disiplin adalah amat penting sebagai kunci kejayaan manakala pelajar yang mengabaikannya perlu didisiplinkan kerana kegagalan mereka turut bermakna pembaziran di pihak kerajaan.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membayangkan kerajaan akan memperketatkan lagi peraturan di universiti, termasuk kemungkinan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 1996), bagi memastikan pelajar lebih menumpukan kepada pelajaran. Mungkin sesetengah pihak akan mempertikaikannya dengan anggapan pelajar terus dikongkong. Namun, sebarang pindaan, kalau pun dilaksanakan nanti, hanyalah bertujuan melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan tiada sebab ia harus menimbulkan kesangsian.

Berbanding jangka waktu di sekolah rendah dan menengah, tempoh pelajar di institusi pengajian tinggi sebenarnya amat singkat. Tidak wujud langsung istilah honeymoon, apatah lagi untuk berdemonstrasi atau apa saja perlakuan sebagai menyuarakan penentangan terhadap kerajaan. Pelajar yang bertanggungjawab dengan menumpukan sepenuh perhatian kepada kuliah, diskusi dan ulang kaji tidak akan berasa sebarang tekanan sekalipun akta berkenaan diperketatkan. Cuma pelajar yang bersikap berlawanan akan terasa bahangnya.

(END)